

**Malaysia, UK tingkat perkongsian maklumat risikan  
Utusan Online  
17 April, 2012**

KUALA LUMPUR 16 April - Malaysia dan United Kingdom (UK) hari ini bersetuju untuk meningkatkan kerjasama perkongsian maklumat risikan serta teknologi dalam aspek keupayaan keselamatan di antara kedua-dua negara.

Persetujuan tersebut dicapai dalam satu perbincangan di antara Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein dan Menteri Strategi Keselamatan Antarabangsa UK, Gerald Howarth bersama rombongannya yang melakukan kunjungan rasmi di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, di sini hari ini.

Turut hadir, Ketua Polis Negara, Tan Sri Ismail Omar dan Timbalannya, Datuk Seri Khalid Abu Bakar.

Selain itu, Hishammuddin berkata, lawatan tersebut turut membincangkan isu-isu berkaitan keselamatan siber, antikeganasan dan media sosial selain meningkatkan hubungan dua hala di antara Malaysia dan United Kingdom yang telah sedia terjalin.

"Pertemuan hari ini merupakan tindakan susulan hasil lawatan rasmi Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak ke United Kingdom yang mana satu Memorandum Persefahaman telah ditandatangani pada 15 Julai 2011 di antara kedua-dua negara.

"Ia juga merupakan lawatan susulan Perdana Menteri Britain, David Cameron ke Malaysia pada 12 Mac baru-baru ini," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Menurut Hishammuddin, pertemuan itu turut menyentuh mengenai pemansuhan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) 1960 serta pembentangan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 di bangunan Parlimen hari ini.

"Mereka dijelaskan bahawa pemansuhan ISA tidak akan menjejaskan kerjasama serta usaha Malaysia dalam memerangi jenayah keganasan.

"Ini kerana akta baru tersebut mengandungi peruntukan-peruntukan khusus untuk menangani ancaman keganasan," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0417&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Parlimen&pg=pa\\_03.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0417&pub=Utusan_Malaysia&sec=Parlimen&pg=pa_03.htm)